

**NO. SOALAN: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**TARIKH : 17 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9168**

**SOALAN:**

**Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah dan berapakah jumlah kumpulan kedua pelarian Syria bakal diterima oleh kerajaan dan apakah jenis keselamatan yang terkandung dalam ikad yang merupakan identiti pengenalan diri buat Syria.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Ingin dimaklumkan bahawa semasa Mesyuarat Peringkat Menteri Ke-6 *Bali Process* Mengenai Penyeludupan Manusia, Pamerdagangan Orang Dan Jenayah Rentas Sempadan Yang Berkaitan yang diadakan pada 23 Mac 2016 di Bali, Republik Indonesia, negara-negara anggota *Bali Process* termasuk komuniti antarabangsa telah memuji tindakan Kerajaan Malaysia memainkan peranan untuk membantu krisis migran Syria meskipun Malaysia bukan anggota kepada Konvensyen 1951 berhubung dengan Status Pelarian dan Protokol 2016.

Rentetan daripada itu bagi makluman Dewan yang mulia ini, ingin dinyatakan atas dasar perikemanusiaan dan berprinsipkan perkongsian tanggungjawab di kalangan masyarakat antarabangsa, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan komitmen bagi menerima kemasukan kumpulan pertama migran Syria dengan sasaran sejumlah 500 orang bagi tahun 2016.

Namun begitu, dari aspek keperluan keselamatan dan ketenteraman awam sepanjang keberadaan migran Syria ini di Malaysia, satu pengkalan data maklumat berkaitan telah diwujudkan bagi tujuan tapisan keselamatan dan kawalan keselamatan mereka di Malaysia. Pengkalan data ini diwujudkan secara pentadbiran yang dikongsi bersama oleh agensi-agensi keselamatan di bawah Kementerian Dalam Negeri .